

**ADUAN TERHADAP ORANG BERDAFTAR /
AMALAN PERUNDINGAN KEJURUTERAAN
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**

GARIS PANDUAN

1. Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 untuk mengiktiraf dan mendaftar Orang Berdaftar (Jurutera, Teknologis Kejuruteraan, Pemeriksa Tapak) atau sesebuah firma konsultan (Amalan Perundingan Kejuruteraan).
2. LJM mengambil berat dan memandang serius kelakuan dan etika Orang Berdaftar / Amalan Perundingan Kejuruteraan dan mengalu-alukan aduan daripada orang ramai sekiranya disyaki terdapat sebarang salah laku dan kelakuan tidak beretika oleh Orang Berdaftar / Amalan Perundingan Kejuruteraan.
3. Pertikaian kontrak adalah di luar bidang kuasa LJM dan hendaklah diselesaikan dengan merujuk kepada terma perjanjian antara pihak yang terlibat.
4. Aduan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah dilaporkan terus kepada PBT berkenaan untuk tindakan lanjut.
5. Aduan hendaklah dibuat dalam bentuk bertulis dan Pengadu hendaklah memberi maklumat yang lengkap sepertimana yang dikehendaki dalam borang aduan. LJM akan menyemak maklumat yang dikemukakan dan sekiranya perlu, akan menghubungi Pengadu untuk mendapatkan maklumat tambahan.
6. Aduan yang diterima akan dikemukakan kepada Orang Berdaftar / Amalan Perundingan Kejuruteraan yang diadukan (Responden) untuk mendapatkan penjelasannya. Identiti Pengadu akan didedahkan kepada Responden kecuali bagi aduan yang tertakluk di bawah dasar "Whistle Blower". (*Sila rujuk laman web rasmi LJM untuk maklumat berkaitan dasar "Whistle Blower"*).
7. Penjelasan yang diperolehi daripada Responden akan dimajukan kepada pihak Pengadu (sekiranya perlu) bagi tujuan mendapatkan maklumbalas lanjut.
8. Sekiranya LJM mendapati wujudnya kes "*prima facie*", LJM akan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat aduan tersebut. Jawatankuasa Siasatan akan menemuduga Pengadu serta pihak-pihak lain yang berkaitan untuk mendapat maklumat dan bukti yang lebih terperinci.
9. Aduan yang melibatkan orang yang tidak berdaftar dengan LJM tetapi didapati menjalankan perkhidmatan kejuruteraan profesional boleh juga dibuat dan sekiranya terdapat bukti maka aduan tersebut akan diajukan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.
10. LJM akan memaklumkan sebarang keputusan aduan kepada Pengadu.



**BORANG ADUAN
TERHADAP ORANG BERDAFTAR / AMALAN PERUNDINGAN KEJURUTERAAN**

SILA BACA GARIS PANDUAN ADUAN SEBELUM MENGISI BORANG ADUAN

UNTUK MEMASTIKAN ADUAN BOLEH DIAMBIL TINDAKAN, PIHAK PENGADU PERLU MEMASTIKAN SEMUA ADUAN DISERTAKAN DENGAN BUKTI YANG MENCUKUPI DAN BERKAITAN DENGAN TUDUHAN SALAH LAKU YANG DIADUKAN.

KEPADA:

**PENDAFTAR
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
TINGKAT 17 BLOK F IBU PEJABAT JKR
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50580 KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

Saya dengan ini ingin membuat aduan seperti berikut:

1. MAKLUMAT PENGADU

Nama:

Sekiranya Syarikat / agensi, namakan wakil:

.....

Jawatan wakil dalam Syarikat / agensi:

.....

Alamat surat menyurat pengadu:

.....

.....

No Telefon / Telefon Bimbit:

E-mel: No. Faks:

2. **MAKLUMAT ORANG BERDAFTAR / AMALAN PERUNDINGAN KEJURUTERAAN YANG DIADUKAN**

Nama Orang Berdaftar:

No Pendaftaran & No K.P.:

Nama Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan:

.....

Alamat surat menyurat:

.....

.....

No. Telefon / Telefon Bimbit:

E-mel: No. Faks:

Hubungan / Tugas / Tanggungjawab orang Berdaftar / Amalan Perundingan Kejuruteraan yang diadakan dengan hal aduan:

.....

.....

3. **NAMA PROJEK DAN / ATAU INSIDEN BERSERTA LOKASI / ALAMAT**

.....

.....

.....

.....

.....

4. **HAL ADUAN** (Setiap aduan perlu dijelaskan secara terperinci)

.....

.....

.....

.....

5. BUKTI JELAS YANG MENYOKONG SETIAP ADUAN

.....
.....
.....
.....

(Aduan hendaklah disertakan dengan dokumen bukti yang jelas dan berkaitan)

6. NYATAKAN NAMA, ALAMAT BERSERTA NO TELEFON / E-MEL MANA-MANA PIHAK YANG BOLEH MENJADI SAKSI ATAU MEMBERI SOKONGAN KEPADA ADUAN

.....
.....
.....
.....

7. PERNAHKAH PENGADU MENGEMUKAKAN ADUAN YANG SAMA TERUS KEPADA ORANG BERDAFTAR / AMALAN PERUNDINGAN KEJURUTERAAN YANG DIADUKAN?

YA TIDAK

(Sila tanda ✓ di petak berkenaan)

SEKIRANYA 'YA' SILA KEMUKAKAN DOKUMEN BERKAITAN DAN HASIL ATAU MAKLUMBALAS YANG DITERIMA DARIPADA PIHAK YANG DIADUKAN

.....
.....
.....
.....

8. ADAKAH HAL ADUAN YANG SAMA TELAH MELIBATKAN / AKAN MELIBATKAN PROSIDING MAHKAMAH

YA TIDAK

(Sila tanda ✓ di petak berkenaan)

SEKIRANYA 'YA' SILA JELASKAN TINDAKAN YANG SUDAH / AKAN DIAMBIL DI MAHKAMAH

.....
.....
.....
.....

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya membuat aduan rasmi dan bersedia untuk membantu siasatan serta menjadi saksi dalam perbicaraan tindakan disiplin Lembaga Jurutera Malaysia berhubung dengan aduan saya, sekiranya diperlukan. Segala perbelanjaan untuk menghadiri penyiasatan dan perbicaraan akan ditanggung oleh saya sendiri.

Tarikh

Tandatangan Pengadu / Wakil

.....

.....

Nama:
No. K/P.: